

ABSTRAK

Kajian ini adalah kajian perbandingan di antara peruntukan Kanun Prosedur Jenayah Malaysia dan perspektif Islam. Bidang kajian puia ialah mengenai proses pra-perbicaraan. Pun^{ia} tidak merangkumi keseluruhan proses tersebut. Di mana rujukan hanya dibuat kepada empat aspek sahaja. Iaitu aspek aduan, penyiasatan, tahanan dan jaminan.

Untuk tujuan itu, pengkaji telah memulakan fasal pertama dengan menerangkan latarbelakang kajian, bidang kajian, tujuan kajian, metodologi kajian dan masalah kajian.

Pada fasal kedua puia, pengkaji telah membincangkan aspek aduan dan maklumat tentang kesalahan jenayah. Di mana pengkaji cuba menyingkap penglibatan orang ramai dalam memberi maklumat tentang kesalahan jenayah. Seterusnya perbincangan dibuat mengenai penyiasatan terhadap orang yang tahu terhadap kesalahan tersebut, termasuklah orang yang kemudiannya menjadi sidituduh. Perbincangan mengenai kedua-dua aspek tadi iaitu aduan dan penyiasatan dimulakan dengan mengemukakan peruntukan Kanun Prosedur Jenayah. Seterusnya pengkaji membuat tinjauan dari perspektif Islam dengan mengemukakan pandangan para

fuqahā Islam.

Manakala pada fasal ketiga perbincangan dibuat mengenai aspek tahanan dan jaminan terhadap orang yang tertuduh. Sebagaimana fasal kedua, perbincangan dimulakan dengan peruntukan Kanun Prosedur Jenayah, selepas itu tinjaun dibuat mengenai pandangan para fuqahā Islam.

Akhirnya, pada fasal keempat pengkaji telah membuat kesimpulan bagi kajian dan mengemukakan saranan-saranan.